



SIARAN MEDIA

LAPORAN MEDIA LEMPUNG BEBOLA TIDAK TEPAT

Laporan media melalui portal berita **TheStar** telah menyiarkan berita bertajuk “*Ball clay export boom but shipment failed*” pada **9 Mei 2022** adalah dirujuk. Berita tersebut melaporkan terdapat lebih kurang 110,000 tan lempung bebola (*ball clay*) dengan nilai eksport berjumlah RM10 juta tidak dapat dieksport berikutan kelewatan mendapatkan kelulusan Permit Eksport (AP) dan peningkatan kos penghantaran akibat konflik Rusia – Ukraine.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) memandang serius isu yang dibangkitkan dan telah membuat semakan lanjut bersama Jabatan Mineral dan Geosains bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Hasil semakan mendapati tempoh **11 bulan** yang dinyatakan di dalam laporan media tersebut adalah meliputi pelbagai proses dan kelulusan yang melibatkan pelbagai agensi di peringkat Negeri dan Persekutuan. Ia bukanlah merujuk kepada proses pengeluaran Lesen Eksport (AP) oleh KeTSA seperti didakwa. Rekod juga mendapati pihak yang mengemukakan laporan tersebut tidak memohon AP pada tahun 2021. Selain itu, jumlah stokpil lempung bebola yang disimpan di Pelabuhan Pulau Pinang pula adalah sebanyak **6,000 tan metrik** dan bukan **110,000 tan metrik** seperti mana dilaporkan.

Sehubungan itu, KeTSA ingin menasihatkan pihak-pihak yang mempunyai sebarang masalah mengenai permohonan AP bagi mineral dan bahan batuan agar berurusan terus dengan KeTSA atau Jabatan Mineral dan Geosains Negeri untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan bantuan segera.

YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

27 MEI 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)